



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *TUITION MISSION*
PUTRAJAYA 2023**

14 Julai 2023 (JUMAAT),

9.00 pagi

Dewan Seri Melati

(Salutasi akan dikemaskini)

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum W.B.T. & Salam Sejahtera

**YBrs. Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh,
Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar (PPj),**

**YBrs. Mohd Ali bin Jusoh,
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti &
Sukan,**

**YBrs. Puan Rohana binti Mohamad,
Wakil Pengarah,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
(JPWPP),**

**YBhg. Datuk Ahmad Faisal bin Abdul Karim,
Pengerusi Zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah
Persekutuan (MPPWP) Putrajaya,**

**YBrs. Tuan-Puan Pengetua Sekolah-sekolah
Putrajaya, Para Guru**

Dan seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam majlis hari ini bagi tujuan **Perasmian Program *Tuition Mission* Putrajaya Tahun 2023.**
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) di atas kesudian meneruskan jalinan kerjasama sejak tahun 2021. Alhamdulillah, pada tahun ini juga Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya turut bersama-sama menjadi rakan strategik dalam Penganjuran Program *Tuition Mission* Putrajaya 2023.
3. Dalam menyokong usaha membangun Malaysia MADANI, Perbadanan Putrajaya melihat Program *Tuition Mission* Putrajaya sangat wajar untuk diteruskan dalam usaha menoktahkan kemiskinan seterusnya memastikan tiada anak-anak pelajar yang tercicir daripada menikmati akses kemudahan pendidikan yang baik. Dilaksanakan buat julung kalinya pada tahun 2021 yang lalu dan melihat kepada impak positif hasil pelaksanaannya, maka

Program *Tuition Mission* Putrajaya ini diteruskan pada tahun 2023 ini.

4. Pada tahun 2022 yang lalu, program ini telah mendapat pengiktirafan *Anugerah National Scroll of Honour For Human Settlements 2022*, sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2022, anjuran Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan membawa pulang hadiah Saguhati. Pencapaian ini sekaligus memberi impak yang positif kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus melaksanakan program ini dari awal sehingga akhir.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

5. Seperti yang Tuan Puan semua sedia maklum, program *Tuition Mission* Putrajaya ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar-pelajar dalam menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kita dapat lihat berdasarkan Keputusan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) 2022 anak-anak pelajar yang mengikuti program ini, daripada 115 orang peserta, yang layak menerima Sijil SPM adalah seramai 113 orang iaitu 98.26%. Kejayaan anak-anak ini semestinya mendapat dorongan dan usaha daripada guru-guru sekolah terutamanya. Alhamdulillah, tahniah dan syabas saya ucapkan

kepada Tuan Puan Pegawai JPWPP dan Tenaga Pengajar di atas kejayaan ini.

6. Segenap lapisan masyarakat berhak mendapat akses pendidikan yang baik tanpa mengira latar belakang. Sebagai satu bentuk sokongan terhadap kelas pengajaran dan pembelajaran sedia ada di sekolah, Program *Tuition Mission* Putrajaya ini berupaya memastikan para pelajar daripada golongan kurang berkemampuan khususnya dalam kalangan Warga Putrajaya tidak ketinggalan dan seterusnya dapat terus kekal berdaya saing membentuk potensi diri mereka dalam pembelajaran.
7. Di samping bermatlamat untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), penganjuran program ini juga bertujuan membantu mencungkil potensi diri anak-anak pelajar ke arah pencapaian kecemerlangan yang komprehensif sebagai satu bentuk persiapan diri dalam menghadapi cabaran di masa hadapan.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak pengurusan dan pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP), para pengetua, guru dan MPPWP Putrajaya. Tanpa komitmen dan sokongan yang jitu daripada tuan puan, tidak mungkin kita dapat merealisasikan penganjuran Program *Tuition Mission* Putrajaya 2023 ini.

9. Kepada anak-anak pelajar sekalian, gunakanlah peluang menyertai Program *Tuition Mission* ini dengan sebaik mungkin. Saya difahamkan, pihak urus setia telah merangka pelbagai aktiviti khusus kepada para peserta bukan sahaja sesi pembelajaran didalam kelas tetapi turut diadakan program-program diluar sekolah seperti Program Perkampungan Ilmu, Explorace *Tuition Mission* Putrajaya, seminar-seminar Skor A dan Lawatan Menara Gading. Kepada anak-anak, jangan disia-siakan segala penat lelah, pengorbanan dan juga komitmen yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat. InsyaAllah, saya yakin dan percaya, dengan usaha dan kesungguhan, anak-anak pelajar sekalian mampu beroleh keputusan yang cemerlang

di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) nanti.

10. Semoga segala perancangan Program *Tuition Mission* Putrajaya tahun 2023 ini berjalan dengan lancar serta mendapat keberkatan Allah S.W.T.

Dengan lafaz Bismillahhirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan Program *Tuition Mission* Putrajaya bagi Tahun 2023.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.